General

Briged Siswa 4P Gotong-Royong Bersihkan Pantai Leleh

Thu, 04/18/2019 - 10:50

Pekan, 15 April – Pengalaman berehat di tepi pantai yang dicemari bekas pembungkus makanan, pinggan dan mangkuk polistirena, cawan dan botol plastik dan lain-lain pastinya menggamit suasana yang tidak menyenangkan.

Melihat keindahan pantai yang dirosakkan oleh sikap masyarakat yang kurang peka terhadap kesan sampah kepada alam memberi kesedaran buat mahasiswa Briged Siswa 4P, Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang mengadakan program "Beach Clean Up" yang bertempat di Pantai Air Leleh, Pekan, Pahang baru-baru ini.

Program yang mendapat kerjasama daripada Pusat Kokurikulum Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) ini disertai oleh seramai 37 mahasiswa diringi oleh jurulatih Seksyen 4P, Mohd Khairol Hasharuddin Che Nasir.

Menurut pengarah projek Seksyen 4P, Cheah Yong Hao, beliau sangat gembira dan berpuas hati kerana dapat menyumbangkan sedikit sebanyak tenaga terhadap alam sekitar dan dapat mempelajari nilai-nilai dalam menanam sikap kesukarelawan ini.

“Program ini adalah sebuah aktiviti bergotong-royong di kawasan yang dipilih oleh mahasiswa untuk mewujudkan kesedaran kepada masyarakat bahawa menjaga alam sekitar ialah kewajipan bersama. Ianya juga dapat memupuk semangat kesukarelawan dan kerjasama dalam kalangan mahasiswa serta menanam sikap jati diri terhadap kepentingan nilai-nilai ini,” katanya.

Walaupun kecewa dengan sikap segelintir masyarakat yang masih tiada kesedaran terhadap sikap menjaga kebersihan, namun pihaknya mengambil pendekatan dengan turun padang membersihkan kawasan pantai. Apatah lagi lokasi ini letaknya berdekatan dengan kampus UMP Pekan dan sering menjadi tumpuan orang ramai untuk menjalankan aktiviti kekeluargaan atau menikmati pemandangan pantai.

Tambahnya lagi, iika ada aktiviti membersihkan sampah pasti beliau akan menyertainya bersama rakan-rakan kerana mereka ingin memastikan kampung dan pantai ini bersih daripada sampah.

Disediakan oleh Siti Nur Azwin Binti Zulkapri dari Bahagian Komunikasi Korporat

- 687 views

View PDF